



SIARAN MEDIA

TERKINI MENGENAI PROJEK MRT LALUAN PUTRAJAYA

Garis masa pembukaan Fasa Satu dipinda

Kuala Lumpur, 16 November 2021: Operasi percubaan untuk MRT Laluan Putrajaya Fasa Satu telah berjalan sejak 29 April 2021. Sejumlah 16 tren telah diuji beroperasi di antara Stesen MRT Kwasa Damansara dan Stesen MRT Kampung Batu dalam keadaan perkhidmatan penuh setiap hari namun tanpa penumpang, dalam simulasi operasi sebenar.

Sepanjang tempoh ini, Pemeriksaan Terperinci Akhir dan Demonstrasi Prestasi Sistem telah berjalan. Setakat ini, kedua-dua aktiviti tersebut masih belum selesai.

Memandangkan keadaan ini, MRT Corp tidak dapat mengambil alih aset daripada kontraktor serah kunci yang dilantik. Justeru, Laluan Fasa Satu tidak dapat dibuka untuk perkhidmatan berbayar (*revenue service*) pada November 2021 seperti yang dijadualkan.

Ketua Pegawai Eksekutif Mass Rapid Transit Corporation (MRT Corp) Sdn Bhd, Datuk Mohd Zarif Hashim berkata tren MRT telah mencatatkan lebih 3,000 jam operasi percubaan dan banyak data telah terkumpul.

“Setelah meneliti sendiri data tersebut, kami mendapati bahawa antara beratus-ratus modul sistem yang telah dilaksanakan, dua modul perlu diperhalusi dengan lebih lanjut.

“Kami perlu memastikan semua lapisan sistem primer, sekunder dan ketiga adalah stabil sebelum kami dapat mengambil alih aset ini dan meluluskannya untuk operasi,” katanya semasa sidang media untuk memberikan kemajuan terkini projek-projek MRT Corp pada hari ini.

“Kami sentiasa mengambil berat akan keselamatan penumpang, kakitangan operasi dan kru penyelenggaraan kami,” katanya.

-tamat/-

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Encik Leong Shen-Li
MRT Corp

+6012-319 6602 / leong.shen-li@mymrt.com.my

Cik Amalina Ghazali
MRT Corp

+6016-2154055/ amalina.ghazali@mymrt.com.my